



**PERHIMPUNAN BULANAN
JABATAN KIMIA MALAYSIA
APRIL 2023**

TEKS UCAPAN

**YANG BERUSAHA
PUAN HALIMAH BINTI ABDUL RAHIM
KETUA PENGARAH
JABATAN KIMIA MALAYSIA**

**04 APRIL 2023
DEWAN SYARAHAN BANGUNAN FORENSIK,
PUSAT ANALISIS SAINS FORENSIK
IBU PEJABAT PETALING JAYA
9.00 PAGI**

Terima kasih saudara dan saudari Pengacara Majlis

Bismillahirrahmanirrahim

- **Assalamualaikum warahmatullahiwabarakatuh, Salam Perpaduan dan Salam MALAYSIA MADANI.**

- **Yang Berusaha En. Shaari bin Desa**

Timbalan Ketua Pengarah (Dasar)

Jabatan Kimia Malaysia

- **Yang Berusaha Pn. Rusnah binti Rohani**

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)

Jabatan Kimia Malaysia

- **Yang Berusaha Pengarah-Pengarah Kanan**

- **Pengarah-Pengarah Bahagian, Negeri dan Cawangan**

Tuan-tuan dan Puan-puan, warga KIMIA Malaysia yang saya kasihi sekalian.

1. Alhamdulillah, segala puji dan syukur kepada Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, dapat kita bersama-sama berkumpul dalam Majlis Perhimpunan Bulanan KIMIA Malaysia yang keempat bagi tahun 2023 ini.
2. Di kesempatan ini, saya merakamkan ucapan penghargaan kepada **Pusat KUALITI** selaku penganjur Perhimpunan Bulanan kita pada pagi ini.

BULAN RAMADAN

3. Selamat menjalani ibadah puasa di Bulan Ramadan Al Mubaraq ini kepada semua warga KIMIA Malaysia yang dikasihi sekalian.
4. Sepertimana Firman Allah S.W.T dalam surah Al-Baqarah ayat 183 yang bermaksud: **“Hai orang-orang yang beriman, diwajibkan atas kalian berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang sebelum kalian agar kalian bertaqwa”**.
5. Hari ini, kita telahpun 13 hari berpuasa di dalam bulan Ramadhan yang mulia ini dan In sha Allah tinggal lebih kurang tujuh belas hari lagi kita seluruh umat Islam akan menyambut Hari Raya Aidil Fitri.
6. Saya mendoakan agar kita semua dianugerahkan kesihatan dan kesejahteraan diri untuk menjalani ibadah ini hingga ke akhirnya.

7. Marilah kita mengambil peluang ini untuk memperbaiki ibadah dan perbanyakkan amal kebaikan di bulan yang penuh barakah ini.

UCAPAN PENGHARGAAN & TAHNIAH

PEGAWAI BERSARA

Hadirin sekalian,

8. Dikesempatan ini, saya merakamkan ucapan penghargaan kepada pegawai-pegawai berikut yang telah bersara wajib pada bulan Mac. Meraka adalah:

a) **YBrs. Dr. Yuvaneswari A/P Chandramoulee Swaranm, Pegawai Sains C48 (KUP)(SME) dari Pusat SEKITARAN pada 01 Mac 2023.**

b) **Encik Annuar Bin Eli, Pembantu Operasi N14 dari KIMIA Sarawak pada 16 Mac 2023.**

9. Terima kasih atas jasa bakti dan sumbangan yang telah diberikan kepada jabatan dan semoga hari-hari persaraan yang akan dilalui dilimpahkan rahmat dan keberkatan serta bahagia di samping keluarga tersayang.

PINGAT KEBESARAN / ANUGERAH

10. Tahniah diucapkan kepada Puan Majidah bin AB Malek, Pembantu Makmal C26 di KIMIA Pahang atas Penerimaan Anugerah Pingat Jasa Bakti Kebaktian (P.J.K) pada 20 Mac 2023 sempena Ulang tahun hari keputeraan ke - 64 Sultan Pahang.

MAJLIS APRESIASI MOSTI 2023

11. Tahniah dan sekalung penghargaan diucapkan kepada penerima-penerima **Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2022 (APC 2022)** MOSTI.
12. Majlis Apresiasi ini diadakan pada setiap tahun sebagai manifestasi penghargaan dan pengiktirafan kepada mereka yang telah menunjukkan prestasi cemerlang dalam kerja dan tanggungjawab yang diamanahkan.
13. Majlis Apresiasi MOSTI 2023 ini telah diadakan bertempat di Agensi Angkasa Malaysia, Banting **pada 21 Mac 2023** yang lalu dengan bertujuan untuk meraikan dan mengiktiraf kecemerlangan para penerima APC 2022 di ibu pejabat MOSTI serta jabatan-jabatan di bawahnya yang terdiri daripada Jabatan Kimia Malaysia, Agensi Angkasa Malaysia, Agensi Nuklear Malaysia dan Jabatan Tenaga Atom.

14. Sebagai makluman, seramai **99 orang pegawai dari KIMIA Malaysia** yang telah menerima APC 2022.
15. Majlis Apresiasi MOSTI ini juga turut menghargai jasa dan khidmat bakti **19 orang warga KIMIA Malaysia yang telah dan bakal** memasuki alam persaraan pada tahun 2022.
16. Untuk makluman semua, pemilihan calon APC adalah mengikut kriteria-kriteria tertentu yang telah ditetapkan oleh jabatan.
17. Setiap Pusat/Bahagian/Negeri/Cawangan akan menghantar pencalonan untuk anugerah APC mengikut bilangan kuota yang ditetapkan untuk Pusat/Bahagian/Negeri/Cawangan tersebut.
18. Seterusnya, pencalonan ini akan dinilai oleh Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) yang dianggotai oleh Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar), Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) dengan meneliti ulasan dan sokongan oleh Pengarah pegawai tersebut.
19. Suka saya beritahu di sini bahawa pengiktirafan yang diberikan ini adalah berlandaskan kepada komitmen serta kesungguhan yang telah ditunjukkan oleh pegawai dalam setiap tugas dengan mengambil kira prestasi dan hasil kerja pegawai yang *outstanding* pada tahun tersebut.
20. Di samping itu, penilaian juga turut berdasarkan kepada sumbangan dan dedikasi serta penglibatan pegawai di luar tugas rasmi iaitu sumbangan kerja lain daripada tugas hakiki (*going the extra mile*).

21. Semoga dengan anugerah ini akan menyuntik semangat, mencetus inspirasi, dan menjadi suri teladan terbaik kepada rakan sekerja lain, khususnya dalam membentuk ekosistem pekerjaan yang cemerlang.

LAWATAN KERJA KE KIMIA JOHOR

22. Saya juga ingin merakamkan ucapan penghargaan kepada pengurusan dan warga KIMIA Johor atas sambutan ketika lawatan kerja saya yang telah diadakan pada 27 Mac 2023 yang lalu.

23. Lawatan kerja ini dilakukan bagi mengiringi YBhg. Datuk KSU MOSTI yang turun padang bagi melawat tapak bagi projek membina bangunan tambahan KIMIA Johor.

24. Turut serta dalam lawatan tersebut adalah En Shaari bin Desa, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) dan Puan Rusnah binti Rohani, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi).

25. Melalui lawatan tersebut, saya juga berkesempatan untuk beramah mesra bersama warga KIMIA Johor melalui mesyuarat bersama pegawai kanan KIMIA Johor, program berbuka puasa dan Solat Sunat Tarawikh yang telah diadakan.

26. Justeru itu, sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Warga KIMIA Johor yang sudi meluangkan masa untuk bersama-sama memeriahkan program sepanjang delegasi kami berada di sana.

MAJLIS APRESIASI MINGGU SAINS NEGARA 2022

27. Jabatan KIMIA Malaysia telah menerima sijil penghargaan atas penglibatan dalam Minggu Sains Negara 2022 dalam satu majlis Apresiasi MSN yang telah diadakan pada 14 Mac 2023 bertempat di Dewan Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota-anggota kerajaan Malaysia (MAKSAK).
28. Sijil penghargaan ini telah disampaikan oleh YB Tuan Chang Lih Kang, Menteri MOSTI.
29. Syabas dan tahniah kepada pegawai-pegawai dan warga kerja KIMIA Malaysia Ibu Pejabat dan cawangan yang telah terlibat semasa MSN 2022 ini.
30. Tidak lupa juga penghargaan saya ucapkan kepada Universiti Putra Malaysia (UPM) yang telah menjadi rakan strategik KIMIA Malaysia dalam penganjuran MSN 2022 ini.

PERTANDINGAN FUTSAL PIALA PUSINGAN STI 2023

31. Sekalung tahniah diucapkan kepada Team A Pasukan Futsal KIMIA Malaysia yang telah bergelar juara di Pertandingan Futsal Piala Pusingan STI 2023 yang telah berlangsung di KSL Sports Puchong pada 11 Mac 2023.
32. Hadiah berupa wang tunai sebanyak RM700 dan Piala Pusingan.

33. Pada kejohanan ini, KIMIA Malaysia telah menghantar 2 pasukan iaitu Team A dan B namun Team B jabatan tidak berjaya melepasi suku akhir kejohanan.
34. Saya juga dimaklumkan bahawa penjaring gol terbanyak merupakan pemain dari pasukan KIMIA Malaysia iaitu saudara Shahrul Anuar bin Yusof yang telah menjaringkan sebanyak 12 gol.
35. Tahniah kepada semua yang telah menjayakan program ini.
36. Semoga kejayaan ini akan dapat dikekalkan pada edisi kejohanan yang akan datang.

PERTANDINGAN CABARAN TROLI PENGGUNA 2023

37. Tahniah diucapkan kepada KIMIA Terengganu kerana telah dinobatkan sebagai Juara bagi pertandingan cabaran Troli Pengguna (CTP) Penjawat Awam Negeri Terengganu bagi Program “Cakna Pengguna” Sempena Sambutan Hari Pengguna Kebangsaan Peringkat Negeri Terengganu.
38. Program anjuran Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Negeri Terengganu ini menawarkan hadiah pertama berjumlah RM 700.
39. Tahniah dan syabas diucapkan dan semoga berjaya di Peringkat Kebangsaan kelak.

PENGHARGAAN KEPADA MANTAN AJK KELAB

40. Ucapan penghargaan seterusnya saya tujukan kepada mantan ahli-ahli jawatankuasa Kelab Sukan dan Kebajikan KIMIA Malaysia Ibu Pejabat bagi sesi 2018-2023.
41. Terima kasih atas segala sumbangan dan khidmat bakti dalam menjayakan aktiviti dan program sepanjang menerajui kelab ini.
42. Kepada saf barisan baharu Kelab, selamat menjalankan amanah yang diberikan.
43. Semoga Kelab Sukan Dan Kebajikan KIMIA Malaysia akan lebih maju di masa akan datang.

KENAIKAN PANGKAT

Hadirin yang saya hormati sekalian,

44. Saya ingin memaklumkan beberapa perkara berkaitan kenaikan pangkat yang telah dibangkitkan semasa mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) yang lepas.
45. **Pembantu Makmal – Penolong Pegawai Sains – Pegawai Sains**
 - Untuk makluman semua, perkara ini telah dibawa oleh Kesatuan Sekerja melalui CUEPACS dengan sokongan pengurusan jabatan ke Majlis Bersama Kebangsaan (MBK) bagi Pegawai-

pegawai Sains dan Teknologi dalam Kumpulan Pelaksana 2021 yang dipengerusikan oleh Tan Sri KPPA pada 23 Jun 2021.

- Majlis menolak cadangan ini dan memohon Jabatan untuk melaksanakan KPSL untuk laluan kenaikan pangkat bagi gred kumpulan ini.
- Pada masa yang sama BKP akan mewar-warkan pengiklanan kekosongan pengambilan Pegawai Sains untuk membolehkan mereka yang lulus KPSL untuk memohon jawatan pegawai sains ini.

46. **Pembantu Operasi – Pembantu Makmal**

- kertas ini juga telah dibawa ke majlis yang sama dan kertas ini turut ditolak.
- BKP akan mewar-warkan pengiklanan kekosongan pengambilan pembantu makmal untuk membolehkan mereka yang berkelayakan untuk memohon jawatan ini.

47. **Cadangan KUP untuk Gred C44**

- Perkara ini akan dibawa ke MOSTI untuk perbincangan lanjut.
- Pengurusan sedar akan ada ketika dalam beberapa tahun akan datang akan berlaku *bottle neck* di Gred C44 untuk naik ke Gred C48.

- Pihak Jabatan akan mengetengahkan perkara ini ke MOSTI untuk perbincangan sama ada boleh diwujudkan KUP untuk Gred C48.

PENUTUP

Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

48. Sebelum saya mengakhiri ucapan pada pagi ini, ingin saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Hari Lahir kepada semua warga kerja KIMIA Malaysia yang menyambut hari kelahiran pada bulan April.
49. Semoga Ramadan ini akan membawa fajar gemilang dan semoga KIMIA Malaysia kian bersinar menyinari modal insan perkhidmatan awam terbilang.
50. Saya akhiri ucapan saya pada pagi ini dengan lafaz Wabillahittaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Sekian, terima kasih.

----- TAMAT-----